



Anwar mengadakan pertemuan empat mata dengan Kishida di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Kerajaan yakin FDI Jepun lebih RM30b

Pertemuan Anwar, Kishida tingkat komitmen dua negara perkukuh lagi kerjasama

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan optimis pelaburan langsung asing (FDI) dari Jepun akan melebihi RM30 bilion (AS\$6.33 bilion) tahun ini, berikutan keyakinan tinggi pelabur negara berkenaan terhadap Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata keyakinan itu juga berdasarkan komitmen kedua-dua negara untuk memperkasakan lagi hubungan dua hala dalam kerjasama ekonomi.

“Kedatangan (Fumio) Kishida ke Malaysia bertepatan pada masanya, ketika hubungan dua hala kita semakin kukuh dan kita sedang memperhebatkan lagi kerjasama dalam perdagangan serta pelaburan, pembangunan industri, pembinaan kapasiti, pelancongan, pendidikan, pertukaran budaya termasuk sains dan teknologi.

“Tahun lalu, kedua-dua negara bersetuju mengangkat hubungan dua hala ke peringkat Kerjasama Strategik Menyeluruh (CPS). Susulan itu, kami berdua komited untuk memuktamadkan perincian terhadap kerjasama baharu ini yang saya yakin akan membawa hubungan kita ke peringkat seterusnya,” katanya pada sidang media bersama rakan sejawatannya dari Jepun sempena

lawatan kerja dua hari Perdana Menteri Jepun itu ke Malaysia.

Terdahulu, Anwar dan Kishida mengadakan pertemuan empat mata di Kompleks Seri Perdana di sini, diikuti dengan mesyuarat dua hala disertai menteri dan pegawai kerajaan kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin itu turut menyaksikan pertukaran memorandum kerjasama antara Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), Datuk Mohamad Fauzi Md Isa serta Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Komunikasi Jepun, Hiroshi Yoshida.

Memorandum kerjasama itu membabitkan usaha sama komprehensif dalam penyiaran dan sektor teknologi maklumat.

Mengenai bidang pendidikan, Anwar berkata, Malaysia berhasrat melihat penubuhan kampus Universiti Waseda, Jepun di negara ini yang melahirkan ramai tokoh tempatan termasuk tokoh ekonomi dan pendidikan negara, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid.

Sambut baik inisiatif KL

Sementara itu, Kishida berkata, Jepun menyambut baik inisiatif dan kerjasama dengan Malaysia, terutama membabitkan keselamatan dan pertahanan, ekonomi serta hubungan ASEAN.

Jelasnya, beliau gembira melihat hubungan strategik antara Jepun dan Malaysia terus diperkasa dan berharap beberapa perkara yang dibincangkan dapat dimuktamad menjelang pertemuan Persahabatan dan Kerjasama Jepun-ASEAN di Tokyo, bulan depan.

Dalam pada itu, Anwar berkata, sebagai negara rakan Komuniti Pelepasan Sifar Bersih Asia (AZEC), Malaysia dan Jepun

komited untuk melaksanakan usaha yang lebih penting menyahkarbon dan mencapai aspirasi pelepasan gas rumah hijau sifar bersih lebih besar.

“Perbincangan kami memberi keutamaan kepada peralihan tenaga. Kita berharap dapat mengukuhkan kerjasama dengan Jepun kerana kita telah mengeksport gas asli cecair (LNG) melalui PETRONAS selama beberapa dekad dan ini sesuatu yang Perdana Menteri, Kishida dan delegasinya sangat berminat untuk lakukan,” katanya.

Pada 2022, LNG adalah eksport utama Malaysia ke Jepun merangkumi 31 peratus daripada keseluruhan jumlah eksport ke negara tersebut.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, Malaysia berharap Jepun terus mengambil kira pandangan dan cadangan pelbagai pihak berhubung isu pelepasan air radioaktif yang dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik.

Katanya, Malaysia bagaimanapun berpuas hati dengan laporan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) berhubung isu berkenaan serta jaminan yang dikeluarkan mengenai kesan radiologi.

“Walaupun Jepun memberi jaminan pelepasan air terawat terbabit tidak memberi kesan radiologi kepada alam sekitar dan manusia seperti terdapat dalam laporan IAEA, saya berharap Kishida akan terus mengambil kira maklum balas, pandangan dan cadangan pelbagai pihak,” katanya.

Mengenai isu pertahanan dan keselamatan, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Jepun mengukuhkan komitmen untuk meneruskan kerjasama dan memperkasakan keamanan serta keselamatan serantau.